

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.03.2018

Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sistem talian atau laman sesawang untuk semak dan memohon Wang Yang Tidak Dituntut akan beroperasi dan apakah usaha Kementerian dalam menangani isu agen palsu yang menipu rakyat dalam proses permohonan tuntutan wang.

JAWAPAN

1. Sistem dalam talian atau laman sesawang untuk semakan WTD dijangka akan beroperasi mulai Jun 2018.
2. Kementerian tidak pernah melantik mana-mana agen untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam bagi membuat

tuntutan WTD. Perkara ini telah dihebahkan kepada orang awam melalui pelbagai saluran komunikasi termasuk program temu bual televisyen, radio, surat khabar, media sosial, jerayawara (*roadshow*) dan portal JANM.